

# Kakitangan akademik UMS tubuh Pekaka

3 Februari 2003 **Isnin**

KOTA KINABALU: Kakitangan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Persatuan Kakitangan Akademik UMS (Pekaka) bagi menjaga kepentingan dan kebajikan mereka ketika bertugas di institusi pengajian tinggi (IPT) itu.

Yang Dipertua Penaja Pekaka, Mohd Khairi Ismail, berkata penubuhan persatuan itu selaras peruntukan Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966.

"Dengan adanya persatuan ini, kakitangan akademik UMS akan berpeluang menyuarakan pendapat mereka mengenai beberapa isu berkaitan seperti peralihan dari Sistem Saraan Baru (SSB) kepada Sistem Saraan Malaysia (SSM)," katanya dalam kenyataan di sini.

Dalam masa sama, katanya, persatuan berkenaan akan mewakili kakitangan dalam setiap pertemuan dan mesyuarat dengan organisasi sama di IPT lain atau forum akademik sama ada dalam atau luar negara.

"Pekaka juga akan bertindak menjaga kebajikan dan masalah kakitangan akademik UMS agar mereka mendapat pembelaan sewajarnya sebagai ahli keluarga besar UMS dari segi skim perkhidmatan dan peluang melanjutkan pelajaran," katanya.

Mohd Khairi berkata, persatuan itu juga bertujuan untuk menyatukan kakitangan akademik UMS selaras usaha mencemerlangkan universiti dan berkhidmat kepada masyarakat, khususnya di Sabah.